

**POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH**

**SMART CAN CRUSHER RECYCLE BIN**

<b>MUHAMAD AMIRUL AL HAFIZ BIN KAMIL</b>	<b>(02DKM21F1111)</b>
<b>MUHAMMAD ANIQ TAUFIQ BIN AHMAD</b>	<b>(02DKM21F1047)</b>
<b>MUHAMMAD IRFAN BIN OTHMAN JALALUDDIN</b>	<b>(02DKM21F1115)</b>

**JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

**SESI 1 2023/2024**

# **POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH**

## **SMART CAN CRUSHER RECYCLE BIN**

**MUHAMAD AMIRUL AL HAFIZ BIN (02DKM21F1111)**

**KAMIL**

**MUHAMMAD ANIQ TAUFIQ BIN (02DKM21F1047)**

**AHMAD**

**MUHAMMAD IRFAN BIN OTHMAN (02DKM21F1115)**

**JALALUDDIN**

**Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan  
Mekanikal sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan  
Diploma Kejuruteraan Mekanikal**

**JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

**SESI I 2023/2024**

## AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

### SMART CAN CRUSHER RECYCLE BIN

1. Kami,     **1. MUHAMAD AMIRUL AL HAFIZ BIN KAMIL**  
                   **(02DKM21F1111)**  
                   **2. MUHAMMAD ANIQ TAUFIQ BIN AHMAD**  
                   **(02DKM21F1047)**  
                   **3. MUHAMMAD IRFAN BIN OTHMAN JALALUDDIN**  
                   **(02DKM21F1115)**

adalah pelajar **Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah**, yang beralamat di **Semambu, 25350 Kuantan, Pahang**.

(Selepas ini dirujuk sebagai ‘Politeknik tersebut’).

2. Kami mengakui bahawa ‘Projek tersebut di atas’ dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya / reka cipta asli saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek ‘Projek tersebut’ kepada ‘Politeknik tersebut’ bagi memenuhi keperluan untuk penanugerahan **Diploma Kejuruteraan Mekanikal** kepada kami.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui)

oleh yang tersebut;

1. MUHAMAD AMIRUL AL HAFIZ BIN KAMIL (NO. Kad Pengenalan: 030703-06-0649)	)	) .....
2. MUHAMMAD ANIQ TAUFIQ BIN AHMAD (NO. Kad Pengenalan: 030731-11-0359)	)	) .....
3. MUHAMMAD IRFAN BIN OTHMAN JALALUDDIN (NO. Kad Pengenalan: 020408-14-1551)	)	) .....
		MUHAMMAD AMIRUL AL HAFIZ BIN KAMIL  MUHAMMAD ANIQ TAUFIQ BIN AHMAD  MUHAMMAD IRFAN BIN OTHMAN JALALUDDIN

Di hadapan saya, MOHD NAIM BIN MARZUKI ) .....  
Sebagai Penyelia Projek pada Tarikh: ..... ) MOHD NAIM BIN  
MARZUKI

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyiapkan projek dan laporan pada masa yang telah ditetapkan. Dengan berkat, usaha gigih dan kerjasama dari semua ahli kumpulan kami, projek “Smart can crusher recycle bin” dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi penghargaan yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Encik Mohd Naim Bin Marzuki selaku penyelia bagi projek “Smart can crusher recycle bin” kami, kerana beliau telah banyak membantu dengan memberi tunjuk ajar, saranan dan penekanan serta memantau projek yang kami laksana agar berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan pendapat kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Selain itu, tidak dilupakan kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan projek ini. Di kesempatan ini juga tidak dilupakan, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa kami dan seluruh ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan, dorongan dan semangat sepanjang projek ini dijalankan. Akhir sekali, terima kasih kepada sesiapa yang membantu kami dalam menyiapkan projek ini. Sekian terima kasih.

## **ABSTRAK**

"Smart Can Crusher Recycle Bin" merupakan inovasi yang direka khas untuk meningkatkan kecekapan pengemikan tin minuman di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Kaedah penilaian bermatriks digunakan untuk menilai tiga model rekaan yang berbeza, dengan pemilihan model yang paling optimal. Projek ini melibatkan integrasi Arduino Uno untuk pengesan tin, pembukaan penutup, dan penggunaan motor actuator linear untuk pengemikan tin. Penggunaan sensor dan teknologi pengesan Arduino Uno membolehkan pengesan dan pengemikan automatik, memudahkan pengguna tanpa perlu mencari tong sampah secara manual. Penyesuaian kod melalui Arduino Uno meningkatkan kecekapan dan respons sistem. Rekaan ini, dicipta menggunakan perisian Inventor, memastikan pematuhan dengan keperluan teknikal dan estetika. Integrasi motor servo, sensor ultrasonik, dan sensor IR menjadikan peranti ini lebih canggih, meningkatkan kecekapan dan mengurangkan interaksi manual. Dengan penambahbaikan ini, 'Smart Can Crusher Recycle Bin' menjadi penyelesaian holistik untuk pengurusan sisa tin minuman di POLISAS.

## **ABSTRACT**

"Smart Can Crusher Recycle Bin" is a specially designed innovation aimed at enhancing the efficiency of beverage can crushing at the Polytechnic Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). A matrix-based assessment method is employed to evaluate three different design models, culminating in the selection of the most optimal design. The project involves the integration of Arduino Uno for tin detection, lid opening, and actuation of a linear actuator motor for can crushing. The use of Arduino Uno's sensors and sensing technology enables automatic detection and crushing, facilitating user convenience without the need for manual searching for a waste bin. Code adjustments through Arduino Uno enhance system efficiency and responsiveness. The design, created using Inventor software, ensures compliance with technical and aesthetic requirements. The integration of a servo motor, ultrasonic sensor, and IR sensor makes the device more sophisticated, improving efficiency and reducing manual interactions. With these enhancements, the 'Smart Can Crusher Recycle Bin' emerges as a holistic solution for beverage can waste management at POLISAS.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>IV</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>V</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>VI</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>VII</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>IX</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>X</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>XII</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>XIII</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>XIV</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	6
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Takrifan Istilah	7
1.9	Rumusan	8
<b>BAB 2</b>	<b>Kajian Literatur</b>	<b>9</b>
2.1	Pendahuluan	9
2.2	Kajian Terdahulu	11
2.2.1	Spesifikasi Projek yang Ingin Dijalankan	12
2.2.2	Kajian tentang Tong Sampah yang Sediaada	13
2.2.3	Tong Sampah yang Terdahulu	15
2.2.4	Bentuk yang Dihasilkan	16



	viii
2.2.5 PERBANDING ANDIANTARA JENIS TONG SAMPAH YANG SEDIAADA	18
2.2.6 JENIS TONG SAMPAH YANG SEDIAADA	21
2.3 KAJIAN KOMPONEN YANG DIGUNAKAN	23
2.4 RUMUSAN	27
<b>BAB 3 METHODOLOGI</b>	<b>28</b>
3.1 PENDAHULUAN	28
3.1.1 KONSEP KERJA PRIME(PRIME CONCEPT)	32
3.1.1.3 JADUAL PENILAIAN BERMATRIK	34
3.1.2 LUKISAN REKABENTUK PROJEK	36
3.2 LUKISAN REKA BENTUK 3D INVENTOR	37
3.3 ANGGARAN KOS/BAHAN	40
3.3.1 PERALATAN DIGUNAPAKAI SEMASA PEMBUATAN PROJEK	41
3.3.2 PROSEDUR FABRIKASI	43
3.4 RUMUSAN BAB	46

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1.1	Penilaian skala matrik	34
Jadual 3.1.1.2	Lakaran	34
Jadual 3.1.1.3	penilaian bermatrik	35
Jadual 3.2	menjurus kepada anggaran kos/bahan	41
Jadual 3.3.1	Peralatan pembuatan projek	43

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.2.5.1	Tong sampah plastic	19
Rajah 2.2.5.2	Tong sampah logam	19
Rajah 2.2.5.3	Tong sampah kayu	20
Rajah 2.2.5.4	Tong sampah konkrit	20
Rajah 2.2.5.5	Tong sampah kitar semula	21
Rajah 2.2.6.1	Tong sampah berwarna hijau	22
Rajah 2.2.6.2	Tong sampah berwarna kuning	22
Rajah 2.2.6.3	Tong sampah berwarna biru	23
Rajah 2.2.6.4	Tong sampah berwarna merah	23
Rajah 2.3.1	Adruino uno	
Rajah 2.3.2	Piston	24
Rajah 2.3.3	Stainless steel	24
Rajah 2.3.4	IR sensor	25
Rajah 2.3.5	Servo motor	26
Rajah 2.3.6	Ultrasonic sensor	
Rajah 2.3.7	Linear actuator	26
Rajah 2.3.8	Relay module	27
Rajah 2.3.9	Tong sampah	28
Rajah 3.1.2	Lukisan rekabentuk projek	37
Rajah 3.2.1	Lukisan pandangan hadapan	38
Rajah 3.2.1.3	Lukisan pandangan sisi	38
Rajah 3.2.1.3	Lukisan pandangan bahagian atas	38
Rajah 3.2.1.3	Lukisan pandangan bahagian 3D	39
Rajah 3.2.1.4	Lukisan pandangan keseluruhan	39

Rajah 3.2.1.5 Lukisan dilegkapi Sensor ultrasonic dan servo motor.	39
Rajah 3.2.1.6 Lukisan bahagian belakang dilegkapi pintu.	40
Rajah 3.2.1.7 pandangan bahagian atas “Smart can crusher recycle bin” dilengkapi acrylic sheet.	40
Rajah 3.2.1.7 Lukisan pandangan keseluruhan yang lengkap.	40
Rajah 3.3.2.1 Proses pemotongan kerangka projek.	44
Rajah 3.3.2.3 Proses pemotongan besi	45
Rajah 3.3.2.2 Proses pengukuran untuk pintu tong sampah.	45
Rajah 3.3.2.4 Menunjukkan permukaan lantai untuk meletakkan actuator Dan mekanisme lain.	46
Rajah 3.3.2.5 Proses kimpalan plat dijalankan.	46

**SENARAI SIMBOL****Simbol**

$\rho$	Ketumpatan
kg	Kilogram
$m$	Jisim
m	Meter
W	Berat

**SENARAI SINGKATAN**

POLISAS	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
COD	Chemical Oxygen Demand
BOD	Biochemical Oxygen Demand
H <sub>2</sub> O	Air
NaOH	Natrium Hidroksida
O <sub>2</sub>	Oksigen
SCCRB	Smart Can Crusher Recycle Bin

**SENARAI LAMPIRAN**

	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	14
LAMPIRAN B	Carta Gantt FYP1	15
LAMPIRAN C	Carta Gantt FYP2	16
LAMPIRAN D	Anggaran Perbelanjaan	17
LAMPIRAN E	Jadual Pembahagian Skop Tugas / kerja Individu	18
LAMPIRAN F	Lukisan 2D/3D	19
LAMPIRAN G	Gambar Pelaksanaan Projek	20
LAMPIRAN H	Borang Pengesahan Laporan Projek	21

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Pada zaman globalisasi ini, penggunaan tong sampah kitar semula menjadi langkah penting untuk mengurangkan jumlah sampah dan turut membantu menjaga kelestarian alam sekitar. Kesedaran terhadap isu pencemaran dan perlindungan alam semakin meningkat dan banyak negara serta komuniti menggalakkan amalan pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula bahan buangan.

Dalam sistem kitar semula, bahan buangan seperti kertas, plastik, logam dan kaca dikumpulkan dan diproses semula untuk dijadikan produk baru. Proses ini membantu mengurangkan jumlah sampah yang dibuang ke tempat pembuangan akhir, sekaligus mengurangkan tekanan ke atas sumber daya semula jadi yang terhad.

Pendahuluan kepada konsep tong sampah kitar semula turut memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pengurusan sampah yang betul. Dengan memperkenalkan amalan pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula bahan buangan, dapat memperbaiki kualiti alam sekitar dan mengukuhkan nilai-nilai positif dalam masyarakat.

"Smart can crusher recycle bin" turut berperanan dalam usaha ini dengan membantu mengurangkan kekotoran dalam persekitaran. Konsep pengurusan pengemik tin ini menggunakan teknologi moden untuk memudahkan pengumpulan tin minuman untuk kitar semula dengan lebih efisien. Prinsip 3R, iaitu Reduce (mengurangkan), Reuse (menggunakan semula) dan Recycle (mengitar semula), ditekankan dalam konsep ini.



"Smart can crusher recycle bin" dilengkapi dengan teknologi yang mempermudah pengguna untuk menyusun sisa yang boleh dikitar semula. Beberapa ciri canggih termasuk penderia automatik dan mesin pengemik tin untuk meningkatkan kapasiti tong sampah dan memastikan tin yang dibuang dapat diuruskan secara lebih efektif. Dengan ini, teknologi ini tidak hanya membantu menjaga alam sekitar, tetapi juga memberikan kemudahan kepada pengguna dalam amalan pengurusan sisa yang lebih bertanggungjawab.

## 1.2 LATAR BELAKANG

"SCCRB" direka sebagai penyelesaian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan tin minuman, terutamanya dalam mengemikkan tin terpakai. Dengan meningkatnya penggunaan minuman berbungkus seperti tin, terutamanya yang diperbuat daripada aluminium, jumlah sisa yang sukar diproses semakin meningkat. Oleh itu, pemusnahan botol dan tin terpakai menjadi kritikal untuk mempermudah proses kitar semula.

Penggunaan teknologi canggih dalam "SCCRB" memberikan sumbangan yang positif dalam meningkatkan kecekapan pengurusan tin minuman. Dengan menggunakan teknologi moden seperti penderia automatik dan sistem penghancuran yang canggih, "SCCRB" dapat mempercepat dan menyederhanakan proses penghancuran tin terpakai, seterusnya menjimatkan masa, usaha, dan ruang dalam tong sampah.

Lebih dari itu, penggunaan "SCCRB" juga memberikan impak positif terhadap alam sekitar. Dengan mengemikkan tin terpakai secara efisien, "SCCRB" dapat mengurangkan jumlah tin yang belum dikemikkan. Ini tidak hanya memudahkan proses pengangkutan dan pemrosesan tin minuman yang telah dikemikkan, tetapi juga menyumbang kepada pengurangan kesan negatif terhadap alam.

Sebagai hasilnya, penggunaan "SCCRB" diharap dapat membantu meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pengurusan sisa yang berkesan dan mesra alam. Dengan inovasi ini, diharapkan kita dapat membentuk sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar, menjaga kebersihan dan merangsang kefahaman tentang kelestarian alam semula jadi di sekeliling kita.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Tong sampah sedia ada dalam persekitaran bandar menghadapi beberapa cabaran penting yang menghalang kecekapan pengurusan sisa. Satu isu yang ketara ialah banyak kapasiti tong sampah yang tidak mencukupi, yang membawa kepada masalah limpahan yang kerap, terutamanya di kawasan lalu lintas tinggi. Kekurangan papan tanda yang jelas untuk pengasingan sisa memburukkan lagi masalah, menyumbang kepada pencemaran dan menjadikan usaha kitar semula kurang berkesan. Selain itu, ketiadaan teknologi pintar dalam banyak tong sampah menghalang pengoptimuman jadual pengumpulan sisa, mengakibatkan ketidakcekapan dan kos yang tidak perlu.

Selain itu, ketahanan tong sampah sedia ada sering terjejas, menjadikannya mudah terdedah kepada vandalisme dan keadaan cuaca yang teruk, memerlukan penyelenggaraan dan penggantian yang kerap. Untuk menangani kelemahan ini, reka bentuk semula tong sampah adalah penting. Reka bentuk baharu harus mengutamakan peningkatan kapasiti untuk menampung jumlah sisa yang lebih tinggi, menggabungkan teknologi pintar untuk pemantauan masa nyata dan pengumpulan yang cekap, menyediakan arahan yang jelas untuk pengasingan sisa dan meningkatkan ketahanan untuk menahan vandalisme dalam elemen persekitaran. Penambahbaikan sedemikian bukan sahaja menyumbang kepada pengurusan sisa yang lebih berkesan tetapi juga memupuk persekitaran bandar yang lebih bersih dan mampan.

Tong sampah yang direka ini dapat memudahkan pengguna untuk membuang sampah kerana tong sampah ini tidak akan mudah penuh apabila ianya di kemikkan dengan penggunaan sistem automatik.

Oleh itu juga, sekaligus dapat memudahkan pekerja yang mengutip sampah. Kelebihan “can crusher” adalah banyak, meliputi aspek alam sekitar, ekonomi dan praktikal. Salah satu faedah yang paling ketara ialah keupayaan mereka untuk mengurangkan dengan ketara ruang yang diambil oleh tin aluminium.

Selain itu, ciri penjimatan ruang ini amat berharga dalam persekitaran dengan kapasiti ruang terhad, membantu mengurus sisa dengan lebih cekap. Penghancur tin juga membantu mengangkut bahan kitar semula dengan cekap, mengurangkan jejak karbon yang dikaitkan dengan mengangkut kuantiti yang banyak tin tidak boleh mampat. Selain itu, pemuliharaan sumber adalah kelebihan utama, kerana mengitar semula tin aluminium mengurangkan keperluan untuk mengekstrak dan memproses bahan baharu, sekali gus menggalakkan kelestarian. Penjimatan tenaga semasa proses kitar semula lebih menekankan faedah alam sekitar (Alasbali et al., 2022).

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif tong sampah yang dilengkapi dengan penghancur tin adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan tin minuman dan menggalakkan amalan mampan. Berikut adalah beberapa objektif utama untuk sistem sedemikian:

- i. **Rekabentuk:** Dapat mereka bentuk tong sampah yang lebih baik daripada sebelumnya dan menambahbaik beberapa elemen yang akan memudahkan para pengguna untuk menggunakannya.
- ii. **Membuat fabrikasi:** Dalam projek ini proses fabrikasi daripada tong sampah biasa telah dapat dijalankan dengan teratur dan menambahbaik beberapa lagi teknologi seperti mekanisme pengemik tin iaitu “Linear actuator” bagi menjayakan projek “SCCRB”.
- iii. **Menguji dan menganalisis:** Melakukan pengujian dan menganalisis projek “Smart can crusher recycle bin” contohnya analisis yang dilakukan ialah “SCCRB” tidak mempunyai had untuk mengemikkan tin apabila diuji dengan beberapa kali.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

- i. Bagaimanakah penghancur tin boleh direka bentuk untuk menampung pelbagai saiz tin aluminium yang biasa terdapat dalam produk pengguna?
- ii. Apakah bahan dan mekanisme yang boleh digunakan untuk memastikan ketahanan dan kecekapan penghancur tin?
- iii. Bagaimanakah penghancur tin boleh menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan sumber secara keseluruhan?
- iv. Bagaimanakah projek penghancur boleh melibatkan dan mendidik masyarakat tentang pengurusan sisa yang bertanggungjawab dan amalan kitar semula?

## 1.6 SKOP KAJIAN

Semua jadual Skop kajian tong sampah dengan pengemik tin bersepadu melibatkan penyiasatan menyeluruh semua aspek untuk memastikan kecekapan, keselamatan dan kelestarian amalan pengurusan sisa. Penyelidikan mungkin termasuk:

- i. Saiz tin yang hanya berdiameter (66.10 mm) dan (57.4mm) sahaja yang boleh dimuatkan didalam slot bagi proses mengemik tin minuman.
- ii. Limit panjang tin minuman iaitu (12 cm ) sahaja yang maksimum dapat dikemikkan.
- iii. “Smart can crusher recycle bin” boleh memuatkan bilangan tin minuman maksimum sebanyak 50 tin yang telah dikemikkan.
- iv. Sensor ultrasonic pula digunakan untuk pembuka pintu tong sampah dan digunakan pada led apabila dapat mengesan sampah dalam keadaan penuh.
- v. Hanya satu tin dapat dikemikkan dalam satu masa.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan tentang penghancur tin adalah penting untuk mengurangkan sisa, memulihara sumber dan menambah baik amalan kitar semula. Berikut adalah beberapa sebab yang menonjolkan kepentingan memahami “SCCRB” :

- i. Penghancur tin memainkan peranan penting dalam mengurangkan jumlah sisa dengan memampatkan tin aluminium.
- ii. Penyelidikan terhadap penghancur tin boleh meningkatkan kesedaran tentang kesan alam sekitar pembuangan tin minuman dan kepentingan mengurangkan penggunaan sumber.

## 1.8 TAKRIFAN ISTILAH

Istilah "Pengemik tin" merujuk kepada peranti atau peralatan yang direka untuk menghancurkan atau memampatkan tin aluminium, yang sering digunakan dalam usaha pengurusan sisa dan kitar semula.

- i. **Sensor inframerah (IR sensor):** Ialah peranti elektronik yang mengukur dan mengesan sinaran inframerah dalam persekitaran sekeliling. Sinaran inframerah adalah sejenis sinaran elektromagnet yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia kerana ia mempunyai panjang gelombang yang lebih panjang daripada cahaya yang boleh dilihat. Penderia inframerah digunakan secara meluas dalam pelbagai aplikasi seperti pengesanan gerakan, alat kawalan jauh, sistem keselamatan dan penderia jarak.
- ii. **Sensor ultrasonik:** Ialah peranti elektronik yang mengukur jarak ke objek dengan memancarkan gelombang ultrasonik dan menukar bunyi yang dipantulkan kepada isyarat elektrik.

## **1.9 RUMUSAN**

Bab ini memberikan maklumat tentang pernyataan masalah projek dan tujuan projek dicapai. Tambahan pula, objektif projek adalah jelas untuk membantu pelajar dan pekerja menjalankan kerja pembersihan untuk menjadikannya lebih mudah dalam era moden.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Pada era globalisasi ini, kehadiran tong sampah menjadi suatu elemen penting di pelbagai lokasi seperti bandar, kawasan perumahan, pejabat, sekolah dan tempat awam. Tong sampah yang sedia ada menawarkan variasi saiz dan reka bentuk yang disesuaikan dengan kegunaan dan keperluan penggunaanya.

Contohnya, tong sampah di kawasan bandar kerap kali diperbuat daripada plastik atau logam dengan pelbagai saiz yang bersesuaian, seperti di kaki lima, taman atau tempat letak kereta. Sementara itu, kawasan perumahan biasanya dilengkapi dengan tong sampah yang lebih kecil, sesuai untuk kegunaan masyarakat di sekitarnya.

Di tempat awam seperti pusat beli-belah, stesen atau lapangan terbang, terdapat tong sampah bersaiz lebih besar dan berjenis-jenis, termasuk tong sampah untuk sisa organik, sisa bukan organik dan sisa perubatan. Langkah ini diambil untuk memudahkan penggunaan dan memastikan sisa dapat diasingkan dengan betul.

Walaupun tong sampah telah tersebar luas, cabaran dalam pengurusan sisa tetap wujud, menyebabkan pengumpulan sisa dan pencemaran alam sekitar.



Hal ini demikian, tong sampah sebagai bekas untuk menampung sisa organik dan bukan organik, umumnya diperbuat daripada bahan seperti plastik, logam atau kayu. Keberadaannya memainkan peranan penting dalam menjaga kebersihan alam sekitar dan mencegah penularan penyakit akibat kekotoran atau sampah yang tersebar di tempat awam. Penggunaan tong sampah juga turut membantu mengurangkan kesan negatif bahan buangan terhadap alam sekitar, termasuk pencemaran air dan udara.

Pentingnya pengurusan sisa yang betul, seperti pengasingan dan kitar semula, membantu mengurangkan jumlah sisa yang akhirnya dibuang di tapak pelupusan sampah. Tindakan ini tidak hanya melibatkan pemeliharaan alam sekitar tetapi juga memberi sumbangan kepada kesejahteraan manusia dan haiwan dengan mengurangkan kesan negatif sisa terhadap kesihatan mereka.

## 2.2 KAJIAN TERDAHULU

Terdapat pelbagai jenis "can crusher" dengan bentuk, spesifikasi dan fungsi yang berbeza. Agensi kerajaan turut mengeluarkan jenis yang lebih canggih untuk meningkatkan keberkesanan projek. Oleh itu, penyelidikan perlu dijalankan untuk membangunkan atau mengautomasi sistem yang sesuai dengan persekitaran pengguna. "SCCRB" sesuai untuk kilang, industri dan tempat awam, tetapi tidak sesuai untuk rumah berukuran besar.

Tin kitar semula memainkan peranan penting dalam program kitar semula keluarga dan masyarakat. Kitar semula aluminium adalah cara mudah untuk menyumbang kepada alam sekitar. Penghancur tin hari ini digunakan untuk membantu pengguna seperti jaw crusher, gyratory crusher dan impact crusher.

Pengurusan sisa yang baik dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar melalui pengasingan, kitar semula dan teknologi pemrosesan mesra alam. Kesedaran tentang menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar juga perlu ditingkatkan.

Reka bentuk ergonomik tong sampah dapat meningkatkan kecekapan penggunaan dan pengurusan sisa. Reka bentuk yang menarik juga dapat meningkatkan kesedaran orang ramai dalam menjaga kebersihan alam sekitar.

Pengasingan sisa yang betul dapat mengurangkan jumlah sisa yang dibuang di tapak pelupusan sampah. Hal ini melibatkan pengasingan sisa organik dan bukan organik, serta pengitar semula sisa yang boleh dikitar semula.

Kesimpulannya, pengurusan sisa yang baik melalui pemilihan bahan tong sampah, reka bentuk yang ergonomik, dan pengasingan sisa yang betul dapat membantu mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar (Aleksashin et al., 2022).

### 2.2.1 SPESIFIKASI PROJEK YANG INGIN DIJALANKAN

Penggunaan tong sampah dalam kalangan masyarakat amatlah penting dalam menjaga kebersihan alam sekitar, Hal ini demikian, penggunaan tong sampah hendaklah digunakan dengan sebaik mungkin supaya dapat memudahkan pemprosesan kitar semula sampah dengan mudah. Terdapat beberapa spesifikasi projek yang ingin dilakukan ialah:

Dalam meniti arus kemodenan ini “SCCRB” adalah alat yang dirancang untuk membantu dalam proses pengumpulan dan pengurangan ukuran botol dan tin aluminium. Alat ini digunakan untuk mengurangi isipadu sampah yang dihasilkan dan memudahkan dalam proses pengumpulan dan pengangkutan sampah kitar semula.

Penggunaan tong sampah “SCCRB” dapat memberikan manfaat bagi masyarakat dengan cara:

- i. **Mengurangi isipadu sampah:** Dengan mengurangi tin aluminium, maka sampah akan menjadi lebih kecil. Hal ini akan membantu mengurangi penggunaan ruang di tempat pembuangan sampah.
- ii. **Meningkatkan kecekapan pengumpulan:** Dengan menggunakan alat ini, pengumpulan sampah kitar semula dapat dilakukan dengan lebih efisien. Sampah yang telah dihancurkan akan memudahkan dalam proses pengangkutan sampah kitar semula.
- iii. **Meningkatkan kesedaran lingkungan:** Dengan menggunakan alat ini, masyarakat akan lebih sedar bahawa pentingnya pengurangan sampah dan penggunaan kitar semula. Hal ini dapat meningkatkan kesedaran dalam lingkungan masyarakat dan kepedulian masyarakat terhadap masalah ini.

- iv. **Menjaga kebersihan:** Dengan mengurangi isipadu sampah, maka sampah akan lebih mudah untuk diatur dan dijaga kebersihannya. Hal ini dapat mencegah tumpukan sampah dan menjaga kebersihan lingkungan sekitar.

Penggunaan “SCCRB” dapat memberikan manfaat yang besar bagi masyarakat dalam upaya menjaga lingkungan dan meminimalkan kesan negatif yang dihasilkan dari penggunaan bahan-bahan yang tidak dapat dikitar semula. Ini demikian, sampah-sampah yang dibuang tidak akan mudah penuh dan kapasiti untuk tong sampah dapat menampung kuantiti yang secukupnya. Sebagai contoh, sampah yang dibuang tidak akan mudah penuh dan alam sekitar dapat dijaga dengan baik.

Oleh itu, wabak penyakit tidak akan mudah dijangkiti. bak kata pepatah lebih baik mencegah daripada merawat. Dengan ini, penggunaan alat ini perlu dipromosikan dan ditingkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya penggunaan kitar semula (Lad, 2018).

## 2.2.2 KAJIAN TENTANG TONG SAMPAH YANG SEDIAADA

Berikut adalah beberapa kajian tentang tong sampah sedia ada:

- i. **Kajian tahap penggunaan tong sampah:** Kajian yang dijalankan menunjukkan tahap penggunaan tong sampah di beberapa tempat awam masih rendah. Ini disebabkan oleh kurangnya kesedaran orang ramai dalam membuang sisa di tempatnya, serta kekurangan penempatan tong sampah yang strategik dan mencukupi. Oleh itu, penempatan tong sampah yang betul dan promosi kebersihan alam sekitar yang baik adalah sangat penting untuk meningkatkan penggunaan tong sampah (Anjanappa et al., 2022).

- ii. **Kajian pengurusan sisa di tempat awam:** Kajian yang dijalankan menunjukkan pengurusan sisa di tempat awam masih perlu diperbaiki. Penempatan tong sampah yang tidak mencukupi, pengasingan sampah yang tidak betul dan kurangnya kesedaran orang ramai dalam menjaga kebersihan alam sekitar adalah faktor penyumbang. Ini juga, adalah perlu untuk meletakkan tong sampah yang mencukupi, memberi latihan tentang pengurusan sisa, untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar (Kecamatan Kedungkandang et al., n.d.).
- iii. **Kajian tentang penggunaan tong sampah pintar:** Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa penggunaan tong sampah pintar dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan sisa. Tong sampah pintar dilengkapi dengan teknologi pengecaman objek dan sistem maklumat yang boleh membantu dalam pengasingan sisa secara automatik. Selain itu, ciri untuk mengukur kapasiti dan masa pengumpulan sisa juga boleh membantu meningkatkan kecekapan pengurusan sisa (Nusyirwan, 2020).
